



SIARAN MEDIA

CHEF UDA ANCASA MENGGONDOL 3 PINGAT KEMENANGAN BAGI PERTANDINGAN MEMASAK DI “1st HALAL BATTLE OF THE CHEF, PENANG”

18 FEBRUARI 2014, Pulau Pinang – UDA Leisure Sdn Bhd, anak syarikat UDA Holdings Berhad menerusi rangkaian hotelnya, Ancasa Hotels & Resorts telah menyertai Pertandingan Memasak *1st Battle of The Chef, Penang* anjuran *5th Penang International Halal Expo & Conference 2014* dengan kerjasama *Chef Association of Malaysia, Penang Chapter* baru-baru ini. Pertandingan yang berlangsung selama 3 hari ini bertempat di Setia SPICE menyaksikan 4 orang chef UDA Ancasa yang diketuai oleh *Executive Sous Chef, Ricky Narayanan* bersaing dengan chef-chef dari hotel yang terkemuka dan terkenal di Malaysia. Terdapat 6 kategori pertandingan memasak yang dipertandingkan dan Ancasa Hotels & Resorts telah dinobatkan sebagai pemenang untuk 3 kategori. Ini merupakan satu kemenangan yang amat membanggakan memandangkan terdapat ramai chef-chef yang hebat turut serta dalam pertandingan tersebut dan seterusnya mengangkat nama Hotel Ancasa sebagai salah satu hotel yang menyajikan makanan halal yang terbaik di Malaysia.

Dalam cabaran pertama iaitu Pertandingan Membuat Roti Canai dalam masa hanya 10 minit, kemenangan adalah milik Chef Hidayat yang telah menggondol Pingat Gangsa

Untuk cabaran pada hari ke-2 iaitu *Traditional Malay Cuisine*, Pingat Emas telah dianugerahkan kepada Chef Hafiz dan Chef Mariam dari Ancasa Hotels & Resorts. Ini merupakan kali pertama mereka menyertai pertandingan ini dengan mempertaruhkan hidangan pembuka selera Bergedel Anak Ayam, Tauhu Sumbat Ikan Tenggiri serta Sup Soto Ayam Kampung. Untuk hidangan utama pula mereka menyediakan Burung Panggang Tebu Hitam, Gulai Udang Umbut Kelapa, Nasi Beringin Pandan beserta Salad, Urap Sayuran dan juga Kerabu Mangga Rumapi Laut. Akhir sekali Puding Sum-Sum Nangka Madu dan Pengat Keledek Perisa Ros

disediakan sebagai pencuci mulut. Kombinasi hidangan yang disediakan oleh mereka telah menambat hati juri dan seterusnya diangkat sebagai juara bagi kategori tersebut.

Pada hari terakhir *1st Halal Battle Of The Chef*, sekali lagi Chef Hidayat juga dari Ancasa Hotels & Resorts telah memenangi Pingat Gangsa bagi Kategori *Western Main Course/Fish/Seafood*.

Dengan kemenangan yang dirangkul oleh chef-chef dari rangkaian hotel Ancasa di dalam *1st Battle Of The Chef* diharap dapat menaikkan imej dan jenama Ancasa Hotels & Resorts di mata masyarakat di samping dapat memperkembangkan dan mempelbagaikan makanan halal di Malaysia.

TAMAT

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi :-

Puan Latifah Osman (Lat)
Seksyen Komunikasi Korporat
BB Plaza, Lot 111, Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2730 8469
Faks : 03-2731 2855
Email : lat@udanet.com
H/P : 012-291542

Norazuana Abdullah (Wana)
Seksyen Komunikasi Korporat
BB Plaza, Lot 111, Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-27308500 samb 2817
Faks : 03-2731 2855
Email : norazuana@udanet.com
H/P : 019-2239153